

SENI LUAR BIASA

Berkenalan dengan figura seni, Anne Samat membuka perspektif berbeza buat saya di pameran Art Stage Singapore tempoh hari. Hasil karya yang *unconventional* ternyata punya daya penarik tersendiri

“Awal pagi tadi ketika saya sedang berdiri di ruang pameran ini, terdapat dua orang jejak berdiri di sini dan mengatakan “that’s crazy.” Sambil disahut oleh rakannya “That’s weird.” Namun pada penghujung perbualan mereka berkongsi kesimpulan yang sama yakni “But it works.” Dialog ini menjadi pembuka bicara di antara saya dan Anne bersama teman penulis lain di sini. Begitulah unikunya saat kali pertama saya melihat karya yang dihasilkan oleh artis Malaysia, Anne Samat di pameran Art Stage Singapore di bawah Richard Koh Fine Art.

Latar belakang anda sebagai seorang artis. Sejak mula lagi saya memilih untuk menjadi seorang artis yang tidak menggunakan bahan-bahan konvensional dalam menghasilkan karya seni. Saya bertanya pada diri saya sendiri apakah benda yang boleh saya ketengahkan ke aras yang lebih tinggi? Namun dalam masa sama yang mampu mengekalkan warisan milik kita dan intipati budaya kita. Untuk itu saya perlu memiliki asas yang kukuh pada hasil seni yang ingin saya ciptakan, kemudian saya terfikir untuk menceburi bidang tenunan. Bagi saya prosesnya merupakan satu cabaran buat diri saya sendiri. Saya akan cuba untuk mengekalkan teknik, motif dan segalanya mengikut yang asal tetapi saya cuba mengangkat penghasilannya ke aras yang berbeza. Saya juga pastikan untuk tidak menggunakan material yang konvensional. Jadi saya memilih poliester dan warna akrilik. Dengan asas kepada hasil kerja saya, pemilihan bahan mentah telah berubah. Untuk melengkapinya saya juga memilih bahan-bahan yang tidak popular untuk menciptakan efek tiga dimensi yang mana saya pastikan ia terlihat serasi bersama.

Beza antara koleksi ini dan koleksi sebelumnya? Berbanding koleksi saya yang terdahulu yang dinamakan alpha dan mega, ia bersifat lebih teknikal. Jadi saya mahukan

sesuatu yang bertentangan secara total dari apa yang pernah saya hasilkan. Dari segi kreativiti, *just go wild with it* dengan tidak terlalu memikirkan mengenai bagaimanakah rupa karya ini sesudah ia lengkap.

Nama untuk siri arca yang anda pameran di Art Stage Singapore 2017? Tribal Chief Series.

Pemilihan bahan mentah yang digunakan merupakan daripada bahan yang boleh didapati dalam kehidupan seharian. Bagaimana anda mengetahui bahawa bahan ini mampu menghasilkan karya seni yang luar biasa?

Soalan yang baik. Hakikatnya kita sering memandang enteng pada bahan ini seperti garfu, sudu, alatan dapur dan bahan lain menjadikan kita tidak memikirkan apakah kegunaan lain untuk barang-barang ini. Ini kerana minda kita terlalu lurus dan fokus pada kegunaan asal produk ini tetapi saya percaya dengan sedikit kreativiti (mungkin juga ‘gila’) boleh membuka dimensi baru tentang sesuatu produk dan itulah cara saya melihatnya. Tidak mengehadrkannya pada satu-satu kegunaan apatah lagi fungsi tradisionalnya. Konsep ini boleh diguna pakai dalam kehidupan seharian dan elakkan dari memiliki minda yang sempit.

Apabila anda mereka sesuatu karya adakah anda sememangnya bercadang membuat suatu siri berkaitan atau anda memilih untuk hanya menghasilkan satu-satu rekaan maha karya? Ini adalah aspek yang tidak pernah saya fikirkan secara



langsung. Sebenarnya tiada siapa pernah bertanya kepada saya mengenai perkara ini. Anda menyedarkan saya bahawa apabila saya mula berkarya saya tidak pernah menetapkan bahawa ia akan menjadi suatu siri. Apabila saya menghasilkan arca seni yang pertama kerana saya menyukainya dan ia terus bermain hinggalah lengkap menjadi satu arca yang sempurna. Terlintas pula di hati bahawa saya perlu mencipta suatu lagi untuk menemani karya ini. Tanpa saya sedari saya sebenarnya mencipta suatu siri arca, bermula dengan satu unit ia berkembang menjadi sebuah siri arca. Cara terbaik untuk menerangkan situasi ini adalah *it moves organically* tanpa saya merencana apakah penghasilan seterusnya. *I let the art goes*. Ia seakan konsep Adam dan Hawa.